

Anwar Ibrahim dakwa popularitinya meningkat punca dipecat

KUALA LUMPUR 14 Jun – Dakwaan peningkatan populariti Datuk Seri Anwar Ibrahim di kalangan ahli UMNO dan di peringkat antarabangsa merupakan antara punca beliau dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri pada 1998.

Kenyataan tersebut adalah antara jawapan Anwar kepada pernyataan pembelaan Tun Dr. Mahathir yang difailkan hari ini di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi Sivil, Wisma Denmark di sini melalui peguamnya, S.N. Nair.

Salinan notis jawapan itu juga telah disampaikan kepada Dr. Mahathir selaku defendan dalam kes saman itu.

Pada 23 September 2004, Anwar melalui peguamnya menyaman Dr. Mahathir dengan menuntut bekas Perdana Menteri itu memohon maaf secara bertulis dalam tempoh 14 hari kerana didakwa memfitnahnya dan menuntut ganti rugi RM100 juta.

Dalam 36 muka surat affidavit jawapan yang dibacakan oleh Nair di pejabatnya hari ini, Anwar mengatakan Dr. Mahathir berusaha untuk memecatnya (Anwar) dari sebarang jawatan dalam politik kerana merasa terancam di atas peningkatan populariti tersebut.

Anwar mendakwa cadangan beliau yang pada ketika itu menjadi Menteri Kewangan dalam menangani krisis kewangan pada tahun 1997 hingga 1998 telah membuatkan Dr. Mahathir berang.